

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998 (ASKM 1998), dengan mengambil kira peruntukan-peruntukan penting mengenai pentadbiran dan penguatkuasaan.

Dalam hal ini, didapati bahawa bukan semua kes atau kesalahan jenayah yang dilakukan di internet berada dalam bidang kuasa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Secara amnya, undang-undang sedia ada seperti Akta Fitnah 1957, Akta Hasutan 1948 dan Kanun Keseksaan juga digunapakai dalam menangani hampir semua bentuk kesalahan termasuklah penghinaan terhadap institusi beraja, hasutan, provokasi menghina agama dan perkauman, fitnah, kandungan palsu, ugutan dan sebagainya. Hakikatnya, apa yang salah di alam nyata juga salah di alam maya.

Pihak Kementerian dan SKMM sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain khususnya Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pihak Jabatan Peguam Negara dalam mengatasi masalah jenayah siber yang semakin menular.

Menyedari hakikat bahawa undang-undang yang lebih ketat tidak menjamin penyelesaian kepada masalah penyalahgunaan media sosial, Kementerian melalui SKMM, Jabatan Penerangan, Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) dan lain-lain telah mengambil langkah proaktif, dengan menggalakkan para pengguna Internet mengamalkan kawalan sendiri. Di samping itu, ibu bapa juga didapati perlu memainkan peranan dalam mengawal aktiviti anak-anak mereka di Internet.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI  
(KUALA KRAI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.05.2015**

**Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [ KUALA KRAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Cukai Perkhidmatan dalam sistem cukai SST dikekalkan dan jika ya, mengapa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan pelaksanaan GST bermula 1 April 2015, cukai perkhidmatan yang dahulunya di dalam sistem cukai SST telah dimansuhkan dan digantikan dengan GST pada kadar yang sama iaitu 6%.